



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 98/2025

PROGRAM KEMBARA JUMPA ORANG MUDA (KEMBARA JOM) 2.0 ZON SELATAN TAHUN 2025 PERKUKUH JARINGAN BELIA RENTAS KOMUNITI

29 NOVEMBER 2025

1. Agenda pemeraksanaan belia luar bandar terus diperkukuh apabila Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli, turun padang menyempurnakan Program Kembara Jumpa Orang Muda (Kembara JOM) 2.0 Zon Selatan yang berlangsung di Kampung Bukit Bayan, Bukit Katil, Melaka. Program selama tiga hari, bermula 28 hingga 30 November 2025 ini, menghimpunkan ratusan belia dari Melaka, Johor dan Negeri Sembilan bersama-sama masyarakat setempat dalam pelbagai aktiviti pembangunan sahsiah, kepimpinan dan komuniti.
2. Zon Selatan merupakan siri keenam dan penutup bagi pelaksanaan Kembara JOM 2.0 yang dilaksanakan dari Julai hingga November 2025. Program ini memberi tumpuan khusus kepada penglibatan belia luar bandar, merangkumi belia massa dan belia berpersatuan, dengan matlamat memperluas jaringan sosial, memperkukuh kepimpinan serta menggalakkan penyertaan aktif mereka dalam pembangunan komuniti di ketiga-tiga negeri terlibat.
3. Antara pengisian utama program ini termasuk Sesi *Townhall* bersama YB Timbalan Menteri; Khidmat Masyarakat melalui gotong-royong mengecat balairaya; Ziarah Kasih YB Timbalan Menteri bersama komuniti setempat; Majlis Penyerahan Gelanggang Sepak Takraw Kampung Bukit Bayan; Kenduri Rakyat bersama komuniti di Masjid Raudhatul Jannah; Jualan Rahmah oleh KPDNKK; Jualan Agro MADANI oleh FAMA; sukaneka dan permainan tradisional antara peserta program dan komuniti; serta sesi sembang santai anak muda bersama YB Timbalan Menteri.
4. Kembara JOM turut berfungsi sebagai platform pemprofilan belia luar bandar, di samping menggalakkan penubuhan persatuan belia baharu serta pelaksanaan kajian sosioekonomi belia setempat. Dapatan dan input yang diperoleh melalui program ini akan menjadi asas penting dalam

Untuk maklumat lanjut berkaitan siaran media ini, sila hubungi Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Belia dan Sukan di talian 03-8871 3100 atau e-mel ukk@kbs.gov.my

perancangan dasar dan strategi pembangunan belia negara pada masa hadapan.

5. Penganjuran Kembara JOM 2.0 Zon Selatan Tahun 2025 direalisasikan melalui kerjasama strategik pelbagai agensi, termasuk kerajaan negeri Melaka, JAPERUN Bukit Katil, Pejabat Daerah Melaka Tengah, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Majlis Gabungan Belia Melaka serta persatuan belia setempat. Sinergi pelbagai pihak ini mencerminkan komitmen bersama untuk memperkukuh ekosistem pembangunan belia luar bandar secara lebih berstruktur, inklusif dan bersepadu.
6. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan terus memperkukuh pelaksanaan Program Kembara JOM sebagai platform libat urus menyeluruh bersama belia akar umbi. Inisiatif ini memastikan suara, aspirasi dan keperluan sebenar golongan muda didengari, dihargai serta diterjemahkan secara langsung dalam penyusunan dasar dan program pembangunan belia yang berteraskan nilai-nilai MADANI.
7. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 06-2345900 atau e-mel hafidz.amin@kbs.gov.my.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

